

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Usahawan dan E-Dagang semasa Pandemik Covid-19

Siti Hasziani Ahmad¹, Ina Murni Hashim¹ & Norulhuda Tajuddin¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Pahang, Kampus Raub, Pahang.

*Koresponden: Hasziani88@uitm.edu.my

Pada penghujung tahun 2019, dunia dikejutkan dengan penyebaran virus pembunuh yang baharu, iaitu Corona Virus (Covid-19) yang berasal dari daerah Wuhan, China. Penyebaran virus ini telah merebak ke seluruh dunia menyebabkan kekacauan dan kekecohan termasuklah di Malaysia.

Kes pertama Covid-19 di Malaysia adalah dilaporkan pada 23 Januari 2020 membabitkan tiga orang iaitu dua di Sabah dan satu di Selangor. Bermula daripada tarikh itu, kes Covid-19 semakin merebak dengan pantas. Tanggal 16 Mac 2020, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama kali di Malaysia selama empat belas hari bermula dari 18 March sehingga 31 Mac 2020. Walau bagaimanapun, tempoh PKP itu dilanjutkan beberapa kali dan berlangsung selama hampir 3 bulan. PKP yang dilaksanakan ini telah memberikan banyak kesan buruk kepada semua sektor sama ada pendidikan, kesihatan, serta ekonomi.

Sepanjang tempoh ini, ramai usahawan yang menghadapi masalah dalam perniagaan mereka sehingga ada yang terpaksa menghentikan sepenuhnya operasi perniagaan mereka. Berikutan itu, banyak syarikat mengalami masalah kewangan seperti kesukaran membayar gaji pekerja, utiliti, sewa dan sebagainya namun, dalam masa yang sama jualan tidak dapat dijana. Bermulanya dari sini, para usahawan digalakkan untuk mengadaptasikan teknologi terkini dalam perniagaan mereka dan berhijrah kepada penggunaan platform E-Dagang.

E-Dagang adalah satu proses penjualan dan pembelian produk melalui atas talian menggunakan aplikasi mudah alih dan internet. Melalui E-Dagang, pengguna dapat menjual dan membeli produk dari pelbagai negara kerana penggunaan E-Dagang digunakan di seluruh dunia. Malah, platform ini beroperasi 24 jam tanpa henti.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berucap dalam majlis perasmian Bazar Jualan Murah Raya, menyasarkan kepada para usahawan lebih berani, dinamik dan sentiasa bersedia untuk berubah ke arah yang sewajarnya terutama sekali pada saat pandemik yang masih belum reda (Harian Metro, 2021). Justeru, usahawan tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada perniagaan secara konvensional sahaja malah, perlu mempelajari strategi perniagaan secara atas talian sekiranya ingin terus bersaing.

Perubahan ini didorong dengan perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bermula dari beberapa dekad yang lalu. Perkembangan ini telah menukarkan dunia secara keseluruhannya dari segi aspek sosial, politik, budaya dan ekonomi. Disebabkan dengan kemajuan ICT yang pesat ini, industri perdagangan juga telah berubah secara global sehingga mencetuskan fenomena E-Dagang yang kini semakin berevolusi dari semasa ke semasa (Sahar et al., 2021). Usaha kerajaan seperti memperkenalkan jaringan 5G pada tahun 2022 juga dilihat sebagai satu usaha untuk merancakkan aktiviti perniagaan atas talian. Namun, jaringan jalur lebar ini perlu dipastikan tidak hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan maju sahaja seperti di Lembah Klang. Negeri-negeri lain seperti Sabah dan Sarawak dan kawasan-kawasan terpencil di Semenanjung wajar mendapat jaringan jalur lebar yang kuat bagi menyokong industri E-Dagang ini.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan terdapat peningkatan sebanyak 30-70% untuk penggunaan internet semasa berlakunya PKP. Berikutan daripada itu, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan untuk memperkasakan perniagaan tempatan iaitu Mikro, Usahawan Kecil dan Sederhana (J.P. Morgan, 2020). Usahawan kecil dan sederhana juga telah memulakan perniagaan atas talian mereka sendiri. Beberapa bantuan akan diberikan kepada mereka termasuk pemberian pinjaman, latihan, kedai di platform E-Dagang dan juga pemasaran digital.

E-dagang bukan sahaja memberi kemudahan kepada penjual tetapi, pembeli juga mendapat banyak faedah. Sehingga kini, banyak aplikasi telah dibangunkan seperti Shopee, Lazada, Amazon, Shein dan banyak lagi memberi banyak pilihan kepada pembeli. Pembeli boleh membeli-belah tanpa had masa, waktu dan boleh membeli-belah dalam keadaan yang menyelesaikan dimana-mana sahaja. Ini adalah berbeza dengan perniagaan yang secara fizikal yang memerlukan lebih banyak kos seperti masa untuk bersiap dan membayar untuk tempat letak kenderaan serta mungkin juga perlu bersesak-sesak dengan orang ramai untuk mendapatkan barangan yang dikehendaki.

Kesimpulannya, pandemik Covid-19 telah memberi satu perubahan yang besar dalam dunia perniagaan. Sebelum ini, aktiviti perniagaan berlangsung secara fizikal namun, sewaktu pandemik melanda, usahawan telah dipaksa berubah kepada platform E-Dagang untuk memastikan kelangsungan perniagaan mereka. Mahu tidak mahu usahawan tiada jalan lain untuk terus kekal bersaing perlu memilih E-Dagang sebagai penyelesaian. Dari perspektif pengguna pula, E-Dagang turut memberi manfaat yang besar melalui penjimatan masa dan kos yang berkaitan. Adalah tidak dinafikan lagi E-Dagang memberikan situasi menang-menang kepada semua pihak dan diharapkan kerajaan akan terus memberikan sokongan kepada industri ini.

Rujukan

- [1] Harian Metro (2021). Tiada pilihan, usahawan perlu guna kaedah digital atau e-dagang diakses <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/05/704256/tiada-pilihan-usahawan-perlu-guna-kaedah-digital-atau-e-dagang> pada 15 Januari 2021.
- [2] J.P. Morgan. (2020). 2020. E-commerce Payments Trends Report: Malaysia [jpmorgan.com/merchantservices/insights/reports/malaysia-2020](https://www.jpmorgan.com/merchantservices/insights/reports/malaysia-2020).
- [3] Sahar, H. R., Mahbob, M. H., & Mahmud, W. A. W. (2021). Pengaruh Faktor Penentu Tingkah Laku Penerimaan E-Dagang Dalam Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Di Malaysia. e-BANGI, 18(5), 195-211.